

# Mahathir desak PBB siasat pembunuhan dua peguam kes Saddam

PUTRAJAYA 11 Nov. - Tun Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi mendesak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) segera menjalankan siasatan terhadap pembunuhan dua peguam, Saadoun al-Janabi dan Adel al-Zubeidi yang terlibat dalam perbicaraan bekas Presiden Iraq, Saddam Hussein.

Desakan tersebut turut meminta siasatan dilakukan terhadap cubaan membunuh salah seorang lagi peguam dalam perbicaraan itu, Thamir al-Kuzais baru-baru ini.

Bekas Perdana Menteri yang merupakan anggota Jawatankuasa Kecemasan Untuk Iraq (ECI) berkata, PBB adalah satu-satunya organisasi yang boleh dipercayai dan mampu menjalankan siasatan tersebut secara telus.

"Kita mengalu-alukan kenyataan Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan yang mengutuk pembunuhan tersebut serta menekankan betapa pentingnya soal keselamatan semua pihak yang terlibat dalam tribunal itu bagi memastikan perbicaraan bebas daripada ugutan dan paksaan.

"Melaluinya juga beliau berharap tribunal itu memegang standard keadilan antarabangsa bagi menjamin keputusan dibuat mengikut undang-undang yang sah, bebas daripada pengaruh luar dan adil," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Kata Dr. Mahathir, komitmen tersebut perlu bagi memastikan undang-undang dipatuhi dan perkara itu akan boleh direalisasikan sekiranya fakta mengenai pembunuhan tersebut diketahui.

Saadoun al-Janabi, peguam kepada Awad Hamad al-Bandar al-Sadun, telah diculik oleh 10 lelaki bertopeng di luar pejabatnya pada 20 Oktober lalu, sehari selepas perbicaraan itu bermula.

Mayat al-Janabi ditemui dengan kesan tembakan di kepala di daerah Ur, utara Baghdad pada keesokan hari.

Adel al-Zubeidi, peguam bekas Naib Presiden Iraq, Taha Yassir Ramadan dalam perbica-



**MAHATHIR MOHAMAD**

raan berhubung pembunuhan puak Syiah di Dujail, terbunuh selepas diserang hendap.

Adel dibunuh di Adil, barat Baghdad selepas sekumpulan penjenayah bersenjata melepaskan tembakan ke arah kereta yang membawanya dan rakan sekerja, Thamer Hamoud al-Khuzai.

Insiden pembunuhan Adel berlaku tidak kurang sebulan selepas pembunuhan al-Janabi.

Sebelum ini ECI telah mendesak PBB menjalankan siasatan tersebut dan jawatankuasa itu telah menghantar permintaan kepada beberapa wakil tetap di PBB iaitu wakil Algeria, Brazil, China, Perancis dan Rusia untuk menghadiri mesyuarat dengan bekas Peguam Negara AS, Ramsey Clark.

Dr. Mahathir, Clark dan bekas Presiden Algeria, Ahmed Ben Bella serta bekas Menteri Luar Perancis, Roland Duma merupakan anggota panel ECI yang dibentuk bagi memastikan Saddam dibicarakan secara adil dan sah.

Dalam kenyataan yang sama, Dr. Mahathir menegaskan, motif mengenai serangan terhadap peguam bela itu amat penting dalam proses mengembalikan keamanan di Timur Tengah dan mencapai perdamaian serta memulihkan pelaksanaan undang-undang di Iraq.

"Ia perlu untuk mewujudkan satu perbicaraan yang adil," kata beliau.

Saddam dan tujuh pembantu kanannya itu mula dibicarakan pada 19 Oktober lalu atas tuduhan jenayah kekerasan berhubung pembunuhan 143 pengikut Syiah di daerah Dujail pada 1982.